



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML) julung kali menerima kunjungan pihak Proton Holdings Berhad yang terdiri daripada Pegawai Sumber Manusia Proton Holdings Berhad, Rahimy Bahaudin.

Satu taklimat ringkas disampaikan oleh Ketua Jabatan Logistik, Dr Azahari Ramli berkenaan sejarah Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik dan bidang kepakaran pensyarah-pensyarah STML.

Rahimy Bahaudin yang juga merupakan Ketua Unit Pengurusan Ilmu, Kumpulan Sumber Manusia menyatakan kesediaannya untuk menjadi jambatan bagi mengukuhkan lagi kerjasama dalam bidang pengurusan ilmu dan bidang-bidang lain yang boleh memberi impak positif kepada kemajuan kedua-dua belah pihak.